

**BUKU PANDUAN
PROGRAM SARJANA MUDA**

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

SESI 2021/2022

**KATA ALUAN
PENGARAH
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA**

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Tetamu tiba cuaca pun redup,
Senang bersantai di dalam taman,
Ilmu pengetahuan pelita hidup,
Menerang jalan sepanjang zaman.



Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada pelajar baharu yang berjaya diterima sebagai pelajar di Universiti Malaya, syabas kerana memilih Akademi Pengajian Melayu sebagai bidang yang ingin diceburi. APM mengalu-alukan kedatangan para pelajar semua dengan hati yang gembira. APM sentiasa menggalakkan para pelajar untuk berusaha dengan lebih giat dalam memastikan bidang ilmu yang dipelajari dapat dikuasai sepenuhnya di samping melibatkan diri dalam aktiviti yang boleh meningkatkan pembangunan diri sendiri dalam mempersiapkan diri sebagai peneraju masa hadapan, tidak kira dalam bidang kerjaya maupun kehidupan.

Buku Panduan merupakan sumber rujukan penting untuk pelajar memahami struktur program dan seterusnya membuat perancangan rapi dalam memilih subjek yang sesuai dengan minat dan juga arah masa hadapan masing-masing. Kesemua subjek dan kursus yang dimuatkan dalam buku ini disertakan dengan huraian ringkas bagi membolehkan pelajar mendapat gambaran ilmu yang bakal dipelajari. Nama pensyarah dan e-mel juga ada dimasukkan bagi memudahkan para pelajar mencari maklumat dan bertanya berkaitan kursus-kursus yang kendalian oleh pensyarah berdasarkan jabatan masing-masing. Selain itu, staf sokongan dan staf pentadbiran juga sedia membantu dalam memberi dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan pengajian dan penawaran kursus dalam setiap program.

Akhir kata, gunakanlah peluang dan masa yang diperuntukkan bagi menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan, rancang sebaik mungkin setiap semester supaya para pelajar tidak menghadapi sebarang masalah. APM sentiasa mendoakan semoga semua pelajar akan berjaya dengan cemerlang dan tamat pengajian dengan penuh bangga. Kejayaan cemerlang semua pelajar bukan sahaja harapan APM tetapi juga merupakan harapan ibu bapa yang telah sanggup berkorban untuk menghantar pelajar ke menara gading.

"Harga diri dan ketinggian darjah manusia adalah ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan. Orang-orang bijaksana adalah cahaya yang menerangi segenap kebenaran. Di dalam ilmu pengetahuan terletak kesempatan manusia untuk keabadian. Manusia tetap akan mati, tetapi kebijaksanaan dan ilmu pengetahuan akan kekal abadi." – (Syadina Ali bin Abu Talib ra)

ILMU PELITA HIDUP

PROFESOR MADYA SALINAH JAAFAR
Pengarah
Akademi Pengajian Melayu

VISI, MISI DAN NILAI TERAS UNIVERSITI MALAYA

Visi

Universiti bertaraf global yang memberi impak pada dunia.

Misi

Melangkui batasan ilmu dan membentuk pemimpin beraspirasi.

Nilai-Nilai Teras

Kesungguhan
Perpaduan
Integriti
Keikhlasan
Empati

SLOGAN

Berbakti untuk negara. Memberi impak pada dunia.

VISI, MISI DAN OBJEKTIF AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

Visi

Keilmuan pengajian Melayu secara global yang mempengaruhi dunia

Misi

Mendorong sempadan ilmu memupuk pemimpin berwawasan

Objektif Akademi Penubuhan Akademi Pengajian Melayu

1. Mencari, mentakrif dan mengembangkan ilmu berdasarkan kebenaran yang bersendikan akidah Islam.
2. Melahirkan ilmuan Pengajian Melayu yang cemerlang dan berjaya secara dunia dan ukhwawi.
3. Menyediakan graduan dan ilmuan yang cekap, berinovatif, berilitzam, beradab, beragama, berwawasan dan peka terhadap perkembangan ilmu agama dan ilmu keduniaan.
4. Mempertingkatkan serta melengkapkan usaha-usaha pendokumentasian bahan-bahan ilmu berhubung dengan Pengajian Melayu dan memasyarakatkan bahan-bahan tersebut.
5. Menjadi pusat kegiatan penyelidikan Melayu yang utama dan terpenting di dunia. Merakam, mengumpul, menyimpan, dan memasyarakatkan segala bentuk data tentang Pengajian Melayu.
6. Menjadi pusat kegiatan Pengajian Melayu yang terunggul di dunia dengan kegiatan seminar, persidangan, dan kegiatan akademik lain yang berhubung dengan orang Melayu.

Untuk mencapai objektif-objektif di atas, jabatan-jabatan yang terdapat di APM telah ditubuhkan dengan arah tujuannya yang tersendiri tetapi bersifat intergratif dan saling melengkapi.

LATAR BELAKANG AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

Akademi Pengajian Melayu (APM) telah ditubuhkan pada tahun 1990 hasil daripada Laporan Lembaga Pengajian mengenai Akademi Pengajian Melayu. Pada masa itu, Akademi Pengajian Melayu memberi tumpuan kepada kegiatan penyelidikan, penerbitan, dan pendokumentasian, iaitu sebagai pelengkap kepada fungsi yang dijalankan oleh Jabatan Pengajian Melayu (JPM) di Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Pada 14 Julai 1995, Jabatan Pengajian Melayu dan Akademi Pengajian Melayu bergabung dengan rasminya untuk menjadi satu institusi akademi di Universiti Malaya. Kegiatan utama APM terbahagi kepada dua bahagian, iaitu Bahagian Pengijazahan dan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan. Bahagian Pengijazahan terdiri daripada Jabatan Bahasa Melayu, Jabatan Linguistik Melayu, Jabatan Kesusastraan Melayu dan Jabatan Sosio-Budaya / Kesenian Melayu. Mulai tahun 2012, Jabatan Sosio-Budaya Melayu dan Jabatan Kesenian Melayu telah bergabung dari segi pengurusan dan membentuk Jabatan Sosio-Budaya / Kesenian Melayu. Jabatan Penyelidikan, Jabatan Dokumentasi dan Jabatan Penerbitan telah dibubarkan dan fungsi-fungsi jabatan tersebut diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan.

MISI PENUBUHAN AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

Menjadi pusat kecemerlangan Pengajian Melayu dalam penyebaran dan pengayaan ilmu penyelidikan, pendokumentasian, penerbitan, dan kegiatan-kegiatan akademik yang lain, dan secara khusus meletakkan sumbangan Islam sebagai asas penting demi memberikan sumbangan kepada negara dan kesejahteraan sejagat.

JABATAN-JABATAN AKADEMIK DI AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

Pada masa ini terdapat empat Jabatan Akademik yang mengendalikan kursus-kursus pada peringkat ijazah pertama, iaitu:

1. Jabatan Bahasa Melayu
2. Jabatan Sosio-Budaya/Kesenian Melayu
3. Jabatan Linguistik Melayu
4. Jabatan Kesusasteraan Melayu

**1. Jabatan Bahasa Melayu
Program Sarjana Muda Bahasa Melayu Profesional**

Program ini menyediakan kursus yang lebih menumpukan pengajian kepada korpus bahasa Melayu baku. Antara kursus yang ditawarkan ialah Bahasa Melayu Tinggi, Tatatabahasa Bahasa Melayu, Stilistik Bahasa Melayu, Bahasa dalam Komunikasi Interpersonal, Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu, Laras Bahasa Melayu, Semantik Leksikal Bahasa Melayu, Analisis Wacana Bahasa Melayu, Pembelajaran dan Penggunaan Bahasa Melayu, Leksikografi Bahasa Melayu, Kesantunan Bahasa Melayu, Retorik Bahasa Melayu, Bahasa Melayu dan Multimedia, Sistem Ejaan Jawi, Penulisan Bahasa Melayu Profesional, Animasi Kreatif Bahasa Melayu, Bahasa dalam Komunikasi Korporat, Penterjemahan Bahasa Melayu, Pembangunan Perisian Kursus Bahasa Melayu dan kursus-kursus lain.

**2. Jabatan Sosio-Budaya/Kesenian Melayu
Program Sarjana Muda Pengajian Melayu**

Program ini menumpukan pengajian kepada masyarakat Melayu yang mendiami alam Melayu sama ada sebagai majoriti atau minoriti. Bidang yang menjadi tumpuan ialah budaya sebagai cara hidup, bahasa sebagai alat komunikasi, kesenian sebagai unsur ekspresif dan kreatif dan kesusasteraan sebagai pemikiran aras tinggi. Kursus-kursus yang ditawarkan merangkumi Tamadun Melayu, Pengajian Melayu Berteraskan Islam, Teori Pengajian Melayu, Dunia Melayu, Identiti Melayu, Sosiologi Bahasa, Sejarah Kesusasteraan Melayu, Seni Melayu dan Islam, Industri Kreatif Melayu, Bahasa dan Komuniti Melayu, Pengurusan Sumber Sejarah Pengajian Melayu, Pemodenan dan Perubahan Orang Melayu, Ekonomi Melayu, Budaya Politik dan Kepimpinan Melayu. Pendekatan yang digunakan adalah bersifat multidisiplin.

**3. Jabatan Linguistik Melayu
Program Sarjana Muda Linguistik Melayu**

Program ini menumpukan pengajian kepada disiplin linguistik global dan bahasa-bahasa rumpun Austronesia dan Alam Melayu, seperti Pengantar Linguistik Melayu, Fonetik, Penulisan Dokumen Khusus, Penyelidikan Lapangan, Sosiolinguistik, E-Linguistik, Fonologi, Morfologi, Linguistik Korpus, Linguistik Teks, Kepelbagaiannya Dialek Melayu, Leksikologi, Kompetensi Komunikatif, Analisis Wacana Bahasa Melayu, Penyuntingan Kesusasteraan, Sintaksis, Semantik, Filogenetik Bahasa, Pragmatik, Psikolinguistik, Kaedah dan Teknik Penterjemahan dan Etnolinguistik.

**4. Jabatan Kesusasteraan Melayu
Program Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu**

Program ini menumpukan pengajian kepada teori dan praktikal dengan penumpuan kepada tiga jurusan utama, iaitu sastera teras dan pengajaran sastera pengurusan dan pemasaran sastera; dan sastera kreatif dan penyuntingan sastera. Pemahaman dan penggunaan terhadap Sejarah Kesusasteraan Melayu, Teori Sastera, Kritikan Sastera dan genre - genre sastera baik dalam sastera tradisional mahupun moden diberikan penekanan. Di samping itu, penumpuan juga turut diberikan kepada kursus-kursus yang bersifat praktikal dan profesionalisme seperti Pengurusan dan

Pemasaran Sastera, Penyuntingan Sastera, Pengajaran dan Penilaian Sastera, Penulisan Kreatif dan Sastera dan Undang-Undang. Jabatan juga telah menambah kursus-kursus baharu sesuai dengan kehendak majikan dan pasaran masa kini seperti Kesusasteraan Komunikatif, Penerbitan Kesusasteraan, Penulisan Kesusasteraan Kanak-Kanak, Penulisan Kesusasteraan Remaja, Kesusasteraan dalam Pendidikan, Penulisan Kreatif Puisi, Penulisan Kreatif Prosa, Kesusasteraan dalam Multimedia dan Pengantar Kesusasteraan Dunia.

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN DI AKADEMI PENGAJIAN MELAYU


Selain empat jabatan akademik tersebut, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan ditubuhkan bagi mengendalikan dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan penyelidikan, pendokumentasian dan penerbitan.

Aktiviti **Penyelidikan** menumpukan perhatian kepada penyelidikan dalam bidang-bidang yang sedia ada dalam Pengajian Melayu, Bahasa dan Linguistik Melayu, Kebudayaan Melayu dan Kesusastraan Melayu. Bahagian ini turut memberi penekanan dan penerokaan beberapa bidang utama seperti Sejarah Alam Melayu, Politik dan Ekonomi Melayu, Pemikiran dan Falsafah Melayu, Kesenian Melayu, Permodenan Masyarakat Melayu, Orang Melayu dalam Konteks Sains dan Teknologi, Agama dan Kepercayaan dalam Masyarakat Melayu, Pengajian Etnik dalam Dunia Melayu dan lain-lain.

Aktiviti **Dokumentasi** menumpukan kegiatan kepada kerja-kerja pendokumentasian yang merupakan satu usaha yang berterusan, selaras dengan prinsip-prinsip ilmiah dan kesarjanaan Pengajian Melayu. Kegiatan ini bercorak menyokong dan meningkatkan taraf kesarjanaan bidang Pengajian Melayu. Pendokumentasian melibatkan kegiatan yang luas yang meliputi pengumpulan manuskrip Melayu, bahan-bahan tradisi lisan Melayu, kumpulan hasil audio dan visual Melayu, bahan-bahan budaya kebendaan, karya-karya sastera Melayu dan Bibliografi Melayu.

Aktiviti **Penerbitan** melengkapi kegiatan-kegiatan penyelidikan dan dokumentasi yang dijalankan. Hasil-hasil penyelidikan, kerja-kerja dokumentasi, kerja-kerja transliterasi teks dan sebagainya diterbitkan untuk dijadikan rujukan kepada semua lapisan ilmuwan terutamanya kepada mereka yang berminat dalam bidang Pengajian Melayu.


CARTA ORGANISASI PENTADBIRAN AKADEMI PENGAJIAN MELAYU, UNIVERSITI MALAYA



KAKITANGAN PENTADBIRAN AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

Pengarah	Profesor Madya Dr. Salinah Jaafar
Timbalan Pengarah (Ijazah Dasar)	Profesor Madya Dr. Nor Hisham Osman
Timbalan Pengarah (Ijazah Tinggi)	Profesor Madya Dr. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali
Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan)	Dr. Marzudi Md Yunus
Ketua Jabatan Bahasa Melayu	Dr. Rohaidah Haron
Ketua Jabatan Kesusastraan Melayu	Dr. Madiawati Mamat@Mustaffa
Ketua Jabatan Linguistik Melayu	Dr. Mardian Shah Omar
Ketua Jabatan Sosio-Budaya / Kesenian Melayu	Dr. Maizira Abdul Majid
Kurator	Encik Mohammad Anis Abdul Samad
Penolong Pendaftar (Ijazah Tinggi)	Puan Salina Mohamed Suhaimi
Penolong Pendaftar Kanan (Ijazah Dasar)	Puan Khalila Khalid
Setiausaha Pejabat	Puan Sharifah Zainun Syed Sahil (Pejabat Pengarah) Puan Nor Azura Taib (Bahagian Ijazah Dasar) Puan Nurzahara Rashid (Bahagian Ijazah Tinggi) Cik Norzahira Ramli (Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan)
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	Puan Noormei Azura Zakaria
Penolong Jurutera	Ahmad Kamal Alias
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Encik Muhammad Azli Ab Aziz Puan Ahna Sum Sum Puan Radziah Abu Nor Puan Wan Habsah Wan Ali Puan Siti Salasiah Mohamed Zakaria Puan Rohaida Hashim Puan Suryana Sukardi Cik Faridah Azwah Kamaruddin
Pembantu Tadbir (Kewangan)	Puan Rosleza Abu Hanifah Puan Siti Noraini Abdul Ghani
Pembantu Operasi	Encik Amir Fariz Amran Encik Muhamad Fairul Izwan Abu Bakar

CARTA ORGANISASI AKADEMIK AKADEMI PENGAJIAN MELAYU, UNIVERSITI MALAYA




NOTA:
(K) : Kontrak

Kemaskini : 7 Januari 2022

**PELAN STRUKTUR BANGUNAN
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU**


ARAS BAWAH




ARAS SATU



ARAS DUA



ARAS TIGA



MAKLUMAT AM

Pendahuluan

- (1) Pelajar dinasihat supaya membaca Buku Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Pengajian Ijazah Pertama) 2019 sebagai pelengkap kepada Buku Panduan Akademi Pengajian Melayu.
- (2) Pelajar perlu mengambil perhatian bahawa pendaftaran kursus adalah berdasarkan kursus-kursus yang ditawarkan pada semester berkenaan.
- (3) Bilangan pelajar untuk sesuatu kursus juga adalah tertakluk kepada kapasiti bagi kursus berkenaan.

Pendaftaran Kursus

- (1) Pelajar dikehendaki mendaftar kursus mengikut tahap pengajian yang ditetapkan. Tahap pengajian ditentukan berdasarkan bilangan kredit yang telah didaftar oleh pelajar seperti berikut:

Tahap Pengajian	Bilangan Kredit
Awal	35 kredit dan ke bawah
Pertengahan	36 – 75 kredit
Akhir	76 kredit dan ke atas

- (2) Pelajar dikehendaki mengikuti program pengajiannya berdasarkan struktur program pengajian sepertimana yang ditentukan oleh Fakulti dan diluluskan oleh Senat. Mana-mana kursus yang didaftarkan selain daripada yang ditetapkan dalam struktur program pengajian tidak akan diambil kira untuk tujuan penyempurnaan pengijazahan.
- (3) Pendaftaran kursus hendaklah selesai sebelum sesuatu semester bermula. Pelajar yang tidak menyelesaikan pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan tidak dibenarkan untuk mengikuti kursus berkenaan.
- (4) Pelajar tidak dibenarkan tambah/gugur kursus selepas membuat pengesahan pendaftaran.
- (5) Pendaftaran kursus yang mempunyai prasyarat hanya dibenarkan setelah pelajar lulus kursus prasyarat yang ditetapkan dengan memperolehi sekurang-kurangnya gred C.
- (6) Pelajar bertanggungjawab menyemak dan memastikan kod kursus yang didaftar adalah betul. Selepas tamat tempoh yang ditetapkan, kursus yang didaftar adalah muktamad dan sebarang pindaan tidak dibenarkan.
- (7) Pelajar yang tidak mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan bagi semester berkenaan akan direkodkan sebagai Tidak Mendaftar.
- (8) Mana-mana pelajar yang gagal mendaftar secara berterusan bagi tempoh dua (2) Semester Biasa dan gagal menyempurnakan pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan pada Semester Biasa berikutnya akan terhenti daripada menjadi pelajar dan ditamatkan pengajian.
- (9) Pendaftaran mana-mana kursus tidak dibenarkan sama sekali dalam keadaan berikut:

- (a) pendaftaran secara ke belakang.
 - (b) pendaftaran setelah minggu peperiksaan bermula.
 - (c) pendaftaran kursus prasyarat secara serentak.
- (10) Jumlah kredit maksimum yang boleh didaftar oleh pelajar adalah seperti berikut:
- (a) Pengajian sepenuh masa
- tidak melebihi 22 kredit bagi Semester Biasa dan 11 kredit bagi Semester Khas.
Bagi pelajar di bawah Tempoh Pemerhatian Akademik, jumlah kredit maksimum yang boleh didaftar oleh pelajar adalah tidak melebihi 15 kredit bagi Semester Biasa dan 9 kredit bagi Semester Khas.
- (b) Pengajian separuh masa
- tidak melebihi 14 kredit bagi Semester Biasa dan 9 kredit bagi Semester Khas.
Bagi pelajar di bawah Tempoh Pemerhatian Akademik, jumlah kredit maksimum yang boleh didaftar oleh pelajar adalah tidak melebihi 12 kredit bagi Semester Biasa dan 9 kredit bagi Semester Khas.
- (11) Walau apa pun yang diperuntukkan dalam subperaturan di atas, jumlah kredit maksimum yang boleh didaftar oleh pelajar (kecuali bagi pelajar di bawah Tempoh Pemerhatian Akademik) dalam satu (1) sesi akademik adalah seperti berikut:
- (a) Pengajian sepenuh masa
 - (i) 50 kredit bagi pendaftaran kursus yang tidak melibatkan Latihan Industri.
 - (ii) 52 kredit bagi pendaftaran kursus termasuk Latihan Industri.
 - (b) Pengajian separuh masa
 - (i) 28 kredit bagi pendaftaran kursus yang tidak melibatkan Latihan Industri.
 - (ii) 30 kredit bagi pendaftaran kursus termasuk Latihan Industri.
- (12) Walau apa pun yang dinyatakan dalam Peraturan 7, dalam keadaan tertentu Timbalan Naib Canselor yang berkenaan boleh membuat keputusan sebaliknya.

Struktur Pengajian Ijazah

- (1) Komponen kursus bagi pelajar Sesi Kemasukan 2019/2020 dan ke bawah adalah seperti berikut:

Komponen	Peratus
Kursus Universiti/Kursus Umum	15% - 20%
Kursus Teras	50% - 60%
Kursus Elektif/Minor	25% - 30%

- (2) Komponen kursus bagi pelajar Sesi Kemasukan 2020/2021* dan seterusnya adalah seperti berikut:

Komponen	Peratus
Kursus Universiti/Kursus Umum	10% - 20%
Kursus Teras	50% - 60%
Kursus Elektif	25% - 30%

Pemindahan Kredit

Pemindahan kredit boleh dikategorikan seperti berikut:-

- (1) Pemindahan kredit dengan gred.
- (2) Pemindahan kredit tanpa gred.

Pengecualian Kursus

- (1) "Pengecualian Kursus" ertiinya pengecualian daripada mendaftar dan mengikuti sesuatu kursus yang diberikan kepada seseorang pelajar berdasarkan kepada kesetaraan kandungan kursus yang dipohon dengan pembuktian pengetahuan dan kemahiran pelajar.
- (2) Permohonan pengecualian kursus hanya dibenarkan bagi kategori Kursus Universiti/Kursus Umum dan Kursus Elektif.
- (3) Pengecualian kursus tidak akan menyebabkan pelajar mendapat kredit bagi kursus yang dikecualikan. Bagi tujuan ini, kursus yang diluluskan untuk pengecualian akan diberi gred K1.
- (4) Sekiranya pengecualian kursus menyebabkan keperluan kredit bergraduat program pengajian tidak mencukupi, kursus yang dikecualikan hendaklah digantikan dengan kursus lain dari tahap pengajian yang sama.
- (5) Permohonan pengecualian kursus hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti yang akan mendapatkan perakuan jawatankuasa khas yang ditetapkan. Permohonan yang diperaku hendaklah dikemukakan untuk pertimbangan Senat.
- (6) Keputusan permohonan pengecualian kursus pelajar akan dimaklumkan oleh Dekan Fakulti program pengajian.

Kehadiran Kelas

- (1) Pelajar diwajibkan menghadiri semua kelas dan mengikuti semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pelajar yang tidak menghadiri mana-mana kelas dikehendaki memaklumkan alasan ketidakhadirannya kepada guru dengan segera dengan menyertakan dokumen sokongan yang berkaitan.
- (2) Guru bertanggungjawab untuk merekodkan kehadiran pelajar bagi setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Skim Penggredan

- (1) Gred rasmi Universiti serta markah dan maksudnya adalah seperti berikut:

Markah	Gred	Mata Gred	Maksud
90.00 - 100.00	A+	4.00	Amat Cemerlang
80.00 - 89.99	A-	4.00	Cemerlang
75.00 - 79.99		3.70	
70.00 - 74.99	B+	3.30	Kepujian
65.00 - 69.99	B-	3.00	Kepujian
60.00 - 64.99		2.70	
55.00 - 59.99	C+	2.30	Lulus
50.00 - 54.99	C	2.00	Lulus
45.00 - 49.99	C-	1.70	Gagal
40.00 - 44.99	D+	1.30	Gagal
35.00 - 39.99	D	1.00	Gagal
00.00 - 34.99	F	0.00	Gagal

(2) Semua kursus hendaklah dinilai menggunakan Gred A+ hingga F.

(3) Gred lulus bagi semua kursus adalah gred C.

Pengurusan Markah dan Gred

- (1) Markah dan gred kursus hendaklah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemeriksa dalam tempoh yang ditetapkan oleh Universiti.
- (2) Markah dan gred muktamad sesuatu kursus bagi setiap pelajar adalah seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa.
- (3) Pendaftar bertanggungjawab menyimpan rekod rasmi pelajar dan mengeluarkan kepada setiap pelajar keputusan peperiksaan program pengajiannya.

Mempertingkatkan Prestasi Akademik

Tertakluk kepada struktur program pengajian yang diikuti oleh pelajar sebagaimana yang diluluskan oleh Senat dan had tempoh pengajian maksimum, pelajar yang telah lulus sesuatu kursus boleh memohon untuk mempertingkatkan prestasi akademik seperti berikut:

- (1) mengambil Kursus Elektif, Kursus Elektif Luar Fakulti* dan Kokurikulum lain sebagai tambahan dan mata gred bagi kursus berkenaan diambil kira secara kumulatif dalam pengiraan PNGK.
- (2) Pelajar yang telah memenuhi keperluan program pengajian boleh memohon kepada Dekan Fakulti program pengajiannya untuk menangguhkan penganugerahan ijazah bagi tujuan mempertingkatkan prestasi akademik dalam tempoh satu (1) minggu selepas tarikh pengumuman rasmi keputusan peperiksaan.
- (3) Walau apa pun yang diperuntukkan di dalam subperaturan (1) dan (2) di atas, pelajar tidak dibenarkan untuk mempertingkatkan gred dan/atau prestasi akademik setelah Senat meluluskan penganugerahan ijazah kepada pelajar.

Mengulang Kursus Yang Gagal

- (1) Pelajar yang gagal mana-mana Kursus Universiti/Kursus Umum (kecuali Kursus Elektif Luar Fakulti* dan Kokurikulum) dan Kursus Teras dikehendaki mengulang kursus yang sama sehingga mencapai sekurang-kurangnya gred lulus tertakluk kepada had tempoh pengajian maksimum. Mata gred terbaik akan diambil kira bagi pengiraan PNGK.

- (2) Pelajar yang gagal mana-mana Kursus Elektif, Kursus Elektif Luar Fakulti* atau Kokurikulum boleh mengulang kursus yang sama atau mengambil kursus lain dalam kategori kursus yang sama sebagai ganti kursus yang gagal.

Pengiraan PNGKnya adalah seperti berikut:

- (a) bagi pelajar yang mengulang kursus yang sama, mata gred terbaik akan diambil kira; dan
 - (b) bagi pelajar yang mengambil kursus lain sebagai ganti, mata gred bagi kursus berkenaan diambil kira secara kumulatif.
- (3) Walau apa pun yang dinyatakan di dalam subperaturan (1) dan (2) di atas, sekiranya pelajar memperolehi gred F sebanyak tiga (3) kali bagi kursus yang sama, pelajar akan gagal keluar dan ditamatkan daripada program pengajiannya.

Penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Lulus Dengan Kepujian (Dengan Cemerlang)

Pelajar layak dianugerahkan ijazah Sarjana Muda Lulus Dengan Kepujian (Dengan Cemerlang) sekiranya:

- (1) mencapai PNGK terakhir 3.70 dan ke atas;
- (2) tidak pernah mendapat gred F bagi mana-mana kursus sepanjang tempoh program pengajiannya;
- (3) tidak pernah mengulang kursus yang gagal dan/atau mempertingkatkan gred kursus; dan berjaya menamatkan program pengajian dalam tempoh minimum atau tempoh yang diluluskan.

Fungsi Penasihat Akademik

Penasihat Akademik bertanggungjawab bagi:

- (a) membantu pelajar dalam pemilihan kursus dan bilangan kredit yang pelajar akan ambil sebelum semester bermula; dan
- (b) memberikan bimbingan kepada pelajar dalam mengatasi masalah pembelajaran, jika ada, berdasarkan prestasi pengajian pelajar.

KALENDAR PENGAJIAN SESI AKADEMIK 2021/2022 (SECARA AM- PERINGKAT IJAZAH SARJANA MUDA)				
SEMESTER I				
Pendaftaran Kursus (Modul) (Rujuk Jadual Pendaftaran di https://umsitsguide.um.edu.my/)	2 minggu	24.09.2021	-	08.10.2021
Haluansiswa (Week of Welcome) - WOW	1 minggu	10.10.2021	-	17.10.2021
Kuliah	7 minggu*	18.10.2021	-	05.12.2021
Cuti Pertengahan Semester I	1 minggu	06.12.2021	-	12.12.2021
Kuliah	7 minggu*	13.12.2021	-	30.01.2022
Minggu Ulangkaji	1 minggu*	31.01.2022	-	06.02.2022
Peperiksaan Akhir Semester I	2 minggu	07.02.2022	-	20.02.2022
Cuti Semester	3 minggu	21.02.2022	-	13.03.2022
	<u>24 minggu</u>			
SEMESTER II				
Pendaftaran Kursus (Modul) (Rujuk Jadual Pendaftaran di https://umsitsguide.um.edu.my/)	2 minggu	18.02.2022	-	04.03.2022
Kuliah	7 minggu*	14.03.2022	-	01.05.2022
Cuti Pertengahan Semester II	1 minggu*	02.05.2022	-	08.05.2022
Kuliah	7 minggu*	09.05.2022	-	26.06.2022
Minggu Ulangkaji	1 minggu	27.06.2022	-	03.07.2022
Peperiksaan Akhir Semester II	2 minggu*	04.07.2022	-	17.07.2022
	<u>20 minggu</u>			
CUTI TAHUNAN				
Cuti	9 minggu*	18.07.2022	-	18.09.2022
SEMESTER KHAS				
Pendaftaran Kursus (Modul)	1 minggu	01.07.2022	-	08.07.2022
Kuliah	7 minggu*	18.07.2022	-	04.09.2022
Peperiksaan Akhir Semester Khas	1 minggu	05.09.2022	-	11.09.2022
Cuti	1 minggu*	12.09.2022	-	18.09.2022
	<u>10 minggu</u>			

Kalendar Akademik telah mengambil kira cuti umum dan cuti perayaan

- | | |
|------------------------------------|---|
| Hari Kebangsaan (31 Ogos 2021) | Tahun Baharu Cina (1 & 2 Februari 2022) |
| Hari Malaysia (16 September 2021) | Nuzul Al-Quran (19 April 2022) |
| Maulidur Rasul (19 Oktober 2021) | Hari Pekerja (1 Mei 2022) |
| Deepavali (4 November 2021) | Hari Raya Aidilfitri (2 & 3 Mei 2022) |
| Hari Krismas (25 Disember 2021) | Hari Wesak (15 Mei 2022) |
| Cuti Tahun Baharu (1 Januari 2022) | Hari Keputeraan Agong (6 Jun 2022) |
| Hari Thaipusam (18 Januari 2022) | Hari Raya Aidiladha (9 Julai 2022) |
| Hari Wilayah (1 Februari 2022) | Awal Muharam (30 Julai 2022) |
| | Hari Kebangsaan (31 Ogos 2022) |

**HADIAH-HADIAH
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU**

**Hadiah Buku
Cikgu Haji Osman Hassan**

Dianugerahkan kepada pelajar terbaik dalam Pengajian Melayu (dalam Jabatan Sosio-Budaya/Kesenian, Linguistik, Bahasa atau Kesusasteraan) berdasarkan Peperiksaan Tahun Akhir untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu.

**Pingat Emas
Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB)**

Dianugerahkan kepada pelajar Melayu terbaik dalam bidang Pengajian Melayu dalam Peperiksaan Akhir untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu.

KURSUS TERAS FAKULTI
Pro-Forma



UNIVERSITI
M A L A Y A

PRO FORMA KURSUS

COURSE PRO FORMA

PENTING / IMPORTANT:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

*Contents of this Pro Forma shall not be changed without the Senate's approval for items indicated with *. Changes to the other items can be approved at the Academy/Faculty/Institution/Centre level.*

	Versi Bahasa Malaysia <i>Malay Version</i>	Versi Bahasa Inggeris <i>English Version</i>
Akademi/Fakulti/Institut/Pusat <i>Academy/Faculty/Institute/Centre</i>	Akademi Pengajian Melayu	<i>Academy of Malay Studies</i>
Jabatan <i>Department</i>	Bahasa Melayu Sosio-Budaya / Kesenian Melayu Linguistik Melayu Kesusasteraan Melayu	<i>Malay Language</i> <i>Malay Socio – Culture/ Arts</i> <i>Malay Linguistics</i> <i>Malay Literature</i>
Nama Program Akademik <i>Name of Academic Programme</i>	Sarjana Muda Pengajian Melayu Sarjana Muda Linguistik Melayu Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu Sarjana Muda Bahasa Melayu Profesional	<i>Bachelor of Malay Studies</i> <i>Bachelor of Malay Linguistics</i> <i>Bachelor of Malay Literature</i> <i>Bachelor of Professional Malay Language</i>
Kod Kursus* <i>Course Code*</i>	JIX1004	JIX1004
Tajuk Kursus* <i>Course Title*</i>	Tamadun Melayu	<i>Malay Civilization</i>



	Versi Bahasa Malaysia <i>Malay Version</i>	Versi Bahasa Inggeris <i>English Version</i>
Kredit* <i>Credit*</i>	2 kredit	2 credits
Masa Pembelajaran Pelajar (SLT) <i>Student Learning Time (SLT)</i>	80 jam	80 hours
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus <i>Course Pre-requisite(s)/Minimum Requirement(s)</i>	Tiada	None
Hasil Pembelajaran Kursus* <i>Course Learning Outcomes*</i>	Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: <ol style="list-style-type: none">1. Mengenal pasti konsep-konsep asas dalam pembentukan Tamadun Melayu dan peradaban-peradaban lain.2. Menjelaskan latar belakang, sejarah perkembangan dan ciri-ciri utama yang mendasari Tamadun Melayu.3. Menganalisis kedudukan Islam sebagai teras Tamadun Melayu.	<i>At the end of the course, students are able to:</i> <ol style="list-style-type: none">1. Identify basic concepts in relation to the development of civilization.2. Explain the background and history of the development of Malay civilization and major factors that underlie it.3. Analyse examples of the Malay civilization from various source.
Sinopsis Kandungan Kursus <i>Synopsis of Course Contents</i>	Kursus ini menghuraikan latar belakang dan faktor-faktor utama yang mendasari Tamadun Melayu dan juga sejarah perkembangannya. Konsep asas dan contoh-contoh yang berkaitan dengan Tamadun Melayu turut dibincangkan.	<i>This course describes the background and main factors that underline the Malay civilization and its historial development. The basic concepts and examples related to the Malay civilization will also be</i>



	Versi Bahasa Malaysia <i>Malay Version</i>	Versi Bahasa Inggeris <i>English Version</i>
		<i>discussed.</i>
Pemberatan Penilaian* <i>Assessment Weightage*</i>	Penilaian Berterusan: 60% Peperiksaan Akhir: 40%	<i>Continuous Assessment: 60%</i> <i>Final Examination: 40%</i>
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi <i>Methodologies for Feedback on Performance</i>	Markah Penilaian Berterusan akan dimaklumkan kepada pelajar sebelum peperiksaan akhir setiap Semester.	<i>Continuous assessment marks will be informed to the students before the final exams.</i>
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif <i>Criteria in Summative Assessment</i>	Rujuk “Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019” dan “Peraturan-peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019”	<i>Please refer to the University of Malaya (Bachelor’s Degree) Rules 2019 and the University of Malaya (Bachelor’s Degree) Regulations 2019.</i>



UNIVERSITI
M A L A Y A

PRO FORMA KURSUS

COURSE PRO FORMA

PENTING/IMPORTANT:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

*Contents of this Pro Forma shall not be changed without the Senate's approval for items indicated with *. Changes to the other items can be approved at the Academy/Faculty/Institution/Centre level.*

	Versi Bahasa Malaysia Malay Version	Versi Bahasa Inggeris English Version
Akademi/Fakulti/Institut/Pusat Academy/Faculty/Institute/Centre	Akademi Pengajian Melayu	<i>Academy of Malay Studies</i>
Jabatan <i>Department</i>	Bahasa Melayu Sosio-Budaya / Kesenian Melayu Linguistik Melayu Kesusasteraan Melayu	<i>Malay Language</i> <i>Malay Socio – Culture/ Arts</i> <i>Malay Linguistics</i> <i>Malay Literature</i>
Nama Program Akademik Name of Academic Programme	Sarjana Muda Pengajian Melayu Sarjana Muda Linguistik Melayu Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu Sarjana Muda Bahasa Melayu Profesional	<i>Bachelor of Malay Studies</i> <i>Bachelor of Malay Linguistics</i> <i>Bachelor of Malay Literature</i> <i>Bachelor of Professional Malay Language</i>
Kod Kursus* <i>Course Code*</i>	JIX1005	JIX1005
Tajuk Kursus* <i>Course Title*</i>	Pengajian Melayu Berteraskan Islam	<i>Malay Studies Based on Islam</i>



	Versi Bahasa Malaysia <i>Malay Version</i>	Versi Bahasa Inggeris <i>English Version</i>
Kredit* <i>Credit*</i>	2 kredit	<i>2 credits</i>
Masa Pembelajaran Pelajar (SLT) <i>Student Learning Time (SLT)</i>	80 jam	<i>80 hours</i>
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus <i>Course Pre-requisite(s)/Minimum Requirement(s)</i>	Tiada	<i>None</i>
Hasil Pembelajaran Kursus* <i>Course Learning Outcomes*</i>	Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: <ol style="list-style-type: none">1. Mentakrifkan konsep Pengajian Melayu berteraskan Islam.2. Membezakan konsep-konsep penting Islam dalam Pengajian Melayu.3. Mengaplikasi nilai-nilai Islam dalam aspek Pengajian Melayu.	<i>At the end of the course, students are able to:</i> <ol style="list-style-type: none">1. Define the concept of Malay Studies based on Islam.2. Distinguish the important concepts of Islam in Malay Studies.3. Apply Islamic values in Malay Studies.
Sinopsis Kandungan Kursus <i>Synopsis of Course Contents</i>	Kursus ini akan memperkenalkan bidang pengajian Melayu yang mempunyai hubungan yang sangat akrab dengan Islam. Selain itu, kursus ini juga akan menejelaskan konsep-konsep penting Islam dalam pengajian Melayu. Kursus ini juga menerapkan nilai-nilai Islam dalam aspek sosiobudaya, kesusasteraan, bahasa dan kesenian Melayu.	<i>This course will introduce Malay studies based on Islam. The important concepts of Malay studies based on Islam also be discussed. This course also applies the Islamic values in the aspects of Malay studies.</i>



	Versi Bahasa Malaysia <i>Malay Version</i>	Versi Bahasa Inggeris <i>English Version</i>
Pemberatan Penilaian* <i>Assessment Weightage*</i>	Penilaian Berterusan: 50% Peperiksaan Akhir: 50%	<i>Continuous Assessment: 50%</i> <i>Final Examination: 50%</i>
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi <i>Methodologies for Feedback on Performance</i>	Markah Penilaian Berterusan akan dimaklumkan kepada pelajar sebelum peperiksaan akhir setiap Semester. Keputusan akan dipamerkan dalam Spectrum.	<i>Continuous assessment marks will be informed to the students before the final exams. The final results will be displayed on Spectrum.</i>
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif <i>Criteria in Summative Assessment</i>	Rujuk "Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019" dan "Peraturan-peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019".	<i>Please refer to the University of Malaya (Bachelor's Degree) Rules 2019 and University of Malaya (Bachelor's Degree) Regulations 2019.</i>



UNIVERSITI
M A L A Y A

PRO FORMA KURSUS

COURSE PRO FORMA

PENTING / IMPORTANT:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

*Contents of this Pro Forma shall not be changed without the Senate's approval for items indicated with *. Changes to the other items can be approved at the Academy/Faculty/Institution/Centre level.*

	Versi Bahasa Malaysia <i>Malay Version</i>	Versi Bahasa Inggeris <i>English Version</i>
Akademi/Fakulti/Institut/Pusat <i>Academy/Faculty/Institute/Centre</i>	Akademi Pengajian Melayu	<i>Academy of Malay Studies</i>
Jabatan <i>Department</i>	Bahasa Melayu Sosio-Budaya / Kesenian Melayu Linguistik Melayu Kesusasteraan Melayu	<i>Malay Language</i> <i>Malay Socio – Culture/ Arts</i> <i>Malay Linguistics</i> <i>Malay Literature</i>
Nama Program Akademik <i>Name of Academic Programme</i>	Sarjana Muda Pengajian Melayu Sarjana Muda Linguistik Melayu Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu Sarjana Muda Bahasa Melayu Profesional	<i>Bachelor of Malay Studies</i> <i>Bachelor of Malay Linguistics</i> <i>Bachelor of Malay Literature</i> <i>Bachelor of Professional Malay Language</i>
Kod Kursus* <i>Course Code*</i>	JIX1006	JIX1006
Tajuk Kursus* <i>Course Title*</i>	Pengajian Melayu Dan Masyarakat	<i>Malay Studies And Society</i>



	Versi Bahasa Malaysia <i>Malay Version</i>	Versi Bahasa Inggeris <i>English Version</i>
Kredit* <i>Credit*</i>	2 kredit	2 credits
Masa Pembelajaran Pelajar (SLT) <i>Student Learning Time (SLT)</i>	80 jam	80 hours
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus <i>Course Pre-requisite(s)/Minimum Requirement(s)</i>	Tiada	None
Hasil Pembelajaran Kursus* <i>Course Learning Outcomes*</i>	Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: <ol style="list-style-type: none">Memahami konsep <i>service learning</i>.Menunjukkan komunikasi interpersonal dengan rakan dan masyarakat.Mentafsir makna bagi setiap aktiviti dan pengalaman di lapangan.	<i>At the end of the course, students are able to:</i> <ol style="list-style-type: none"><i>Understanding the service learning concept.</i><i>Perform effective interpersonal communication in group and community.</i><i>Interpret the meaning of each activity and experience in the field.</i>
Sinopsis Kandungan Kursus <i>Synopsis of Course Contents</i>	Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang <i>service learning</i> dengan menggunakan kaedah pembelajaran berdasarkan pengalaman. Melalui kursus ini pembelajaran berlaku melalui kitaran aktiviti dan refleksi pelajar dengan masyarakat. Penglibatan bersifat dua hala ini	<i>This course expose the students about the service learning using experiential learning methods. Through this course learning takes place through a cycle of activities and reflections of students with the community. These two-way engagements reflect students' experiences in their respective fields to build initiatives on</i>



	Versi Bahasa Malaysia <i>Malay Version</i>	Versi Bahasa Inggeris <i>English Version</i>
	mencerminkan pengalaman pelajar dalam bidang masing-masing untuk membina inisiatif pencapaian matlamat sebenar masyarakat dan pemahaman yang lebih mendalam untuk diri sendiri.	<i>achieving the community's goals and a deeper understanding of themselves.</i>
Pemberatan Penilaian* <i>Assessment Weightage*</i>	Penilaian Berterusan: 100% Peperiksaan Akhir: 0%	<i>Continuous Assessment: 100%</i> <i>Final Examination: 0%</i>
Kaedah Maklum Balas Tentang Prestasi <i>Methodologies for Feedback on Performance</i>	Markah Penilaian Berterusan akan dimaklumkan kepada pelajar sebelum peperiksaan akhir.	<i>Continuous assessment Marks will be informed to students before the final exams.</i>
Kriteria Dalam Penilaian Sumatif <i>Criteria in Summative Assessment</i>	Rujuk Kaedah-kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019 dan Peraturan-peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda) 2019.	<i>Please refer to the University Malaya (Bachelor's Degree) Rules 2019 and University of Malaya (Bachelor's Degree) regulations 2019.</i>



PRO FORMA KURSUS

COURSE PRO FORMA

PENTING/IMPORTANT:

Kandungan Pro Forma ini tidak boleh diubah tanpa kelulusan Senat bagi perkara-perkara yang telah ditandakan*. Pindaan kepada perkara lain boleh diluluskan di peringkat Akademi/Fakulti/Institut/Pusat.

*Contents of this Pro Forma shall not be changed without the Senate's approval for items indicated with *. Changes to the other items can be approved at the Academy/Faculty/Institution/Centre level.*

	Versi Bahasa Malaysia <i>Malay Version</i>	Versi Bahasa Inggeris <i>English Version</i>
Akademi/Fakulti/Institut/Pusat <i>Academy/Faculty/Institute/Centre</i>	Akademi Pengajian Melayu	<i>Academy of Malay Studies</i>
Jabatan <i>Department</i>	Sosio-Budaya / Kesenian Melayu Linguistik Melayu Kesusasteraan Melayu	<i>Malay Socio – Culture/ Arts</i> <i>Malay Linguistics</i> <i>Malay Literature</i>
Nama Program Akademik <i>Name of Academic Programme</i>	Sarjana Muda Pengajian Melayu Sarjana Muda Linguistik Melayu Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu	<i>Bachelor of Malay Studies</i> <i>Bachelor of Malay Linguistics</i> <i>Bachelor of Malay Literature</i>
Kod Kursus* <i>Course Code*</i>	JIX1007	JIX1007
Tajuk Kursus* <i>Course Title*</i>	Sejarah Kesusasteraan Melayu	<i>History of Malay Literature</i>
Kredit* <i>Credit*</i>	2 kredit	2 credits



Masa Pembelajaran Pelajar (SLT) <i>Student Learning Time (SLT)</i>	80 jam	80 hours
Prasyarat/Keperluan Minimum Kursus <i>Course Pre-requisite(s)/Minimum Requirement(s)</i>	Tiada	None
Hasil Pembelajaran Kursus* <i>Course Learning Outcomes*</i>	Pada akhir kursus ini, pelajar dapat: <ol style="list-style-type: none">Menjelaskan sejarah dan perkembangan kesusastraan Melayu mengikut zaman.Menganalisis genre-genre sastera tradisional dan moden.Mengaplikasi konsep sastera Melayu berdasarkan karya sastera yang terpilih.	<i>At the end of this course, students are able to:</i> <ol style="list-style-type: none"><i>Explaining the history and the development of Malay Literature according to certain period of time.</i><i>Analyse the genres of traditional and modern literature.</i><i>Applying the concept of Malay literature based on the chosen literatures.</i>
